

**Dr M: BN buat kita hilang kuasa di negara sendiri**

**Malaysiakini**

**24 September 2018**

**Leslean Arshad, Bernama**

Kerajaan Pakatan Harapan (HARAPAN) memberi perhatian kepada proses pemulihan negara dengan dua tumpuan utama diberikan melibatkan pemulihan jentera pentadbiran yang dirosakkan dan kedudukan kewangan negara yang dibelenggu hutang besar, kata Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.

Pada sesi pertemuan dan dialog bersama hampir 200 rakyat Malaysia di United Kingdom pada Ahad, Dr Mahathir berkata kerosakan kewangan negara dan jentera pentadbiran oleh parti pemerintah terdahulu boleh menyebabkan Malaysia hancur jika parti sama kekal menang pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14).

"(Malaysia) jadi kawasan ditakluk orang lain, kita hilang kuasa di negara sendiri," katanya mengenai kesan kerosakan tersebut, sambil menambah rakyat memberi sokongan kepada HARAPAN untuk menumbangkan Barisan Nasional (BN) kerana ia tidak memberi tumpuan kepada kebaikan negara dan pembangunan negara serta masalah rakyat yang tertekan dengan isu kos sara hidup.

Dalam pertemuan yang berlangsung dalam rangka lawatan kerja peringkat pertamanya ke United Kingdom, Dr Mahathir berkata jentera pentadbiran negara dirosakkan sehingga mereka menjadi korup dengan terlibat dengan rasuah daripada peringkat tertinggi hingga rendah.

Beliau juga berkata jentera pentadbiran itu juga memihak kepada parti pemerintah hingga sanggup berkempen secara langsung dan terbuka untuk membantu BN walaupun mereka sepatutnya bersikap berkecuali.

"Kesetiaan mereka bukan kepada pemerintah tetapi pada parti yang memerintah," katanya, sambil menambah ia tidak menepati kehendak perlembagaan negara yang jentera pemerintah seperti polis dan tentera harus patuh pada arahan kerajaan semasa tetapi bukan menepati arahan parti berkuasa.

Mengenai pemulihan kedudukan kewangan negara, Dr Mahathir berkata ia penting untuk dilakukan walaupun sukar dan ia berkemungkinan akan menyebabkan kerajaan menjual aset-aset untuk mendapatkan wang untuk membayar hutang.

Menurutnya, kerajaan terdahulu berhutang kira-kira RM1 trilion dan hutang tersebut perlu dibayar kerana jika tidak dibayar, negara mungkin akan bankrap hingga menimbulkan banyak masalah kepada negara.

Banyak lagi perlu diperbaiki

"Kita kehilangan wang yang dihutang, kita tidak tahu di mana ia (wang) pergi, jadi kita tidak ada wang untuk bayar hutang," katanya.

Dr Mahathir berkata bajet selalunya akan menjadi defisit kerana wang yang tidak mencukupi untuk membiayai perbelanjaan kerajaan untuk pentadbiran dan pembangunan termasuk biasiswa untuk penuntut.

"Banyak lagi yang perlu diperbaiki, kalau diberi masa kita (kerajaan) akan dapat atasi masalah-masalah yang dihadapi," katanya.

Pada sesi dialog yang turut mengutarakan mengenai biasiswa, Dr Mahathir berharap penerima biasiswa dapat mempercepatkan proses pengajian, dengan menjadikan Perdana Menteri kedua negara, Tun Abdul Razak Hussein sebagai contoh yang menamatkan pengajiannya dalam bidang undang-undang dalam tempoh dua tahun berbanding tiga tahun kebiasaannya.

"Kalau boleh kurangkan masa supaya boleh balik dan berkhidmat," katanya yang menerima tepukan.

Pada pertemuan yang turut membangkitkan mengenai kereta nasional, Dr Mahathir menjelaskan bahawa pembangunan kereta nasional bukanlah untuk

kebanggaan untuk mengadakan kereta nasional tetapi untuk memberi peluang kepada negara terlibat dalam kejuruteraan.

Beliau berkata membina sebuah kereta yang mempunyai 4,000 alat bukan mudah dan bukan sebarang graduan kejuruteraan boleh melakukannya jika mereka tidak praktis aspek kejuruteraan itu.

Melalui pembuatan kereta, katanya negara akan menguasai bidang kejuruteraan yang akan membawa kepada pembangunan bidang pembuatan yang memerlukan pelbagai kemahiran dan pengetahuan kejuruteraan.

“Ia bukan hanya tentang pembuatan kereta tetapi kejuruteraan kereta berpotensi membawa kepada rangsangan ekonomi,” katanya.

Dr Mahathir juga menolak cadangan bahawa Proton adalah kegagalan kerana pada satu masa di bawah pengurusan yang baik, syarikat kereta nasional itu mampu mengumpulkan RM4 bilion dalam rizab, yang dapat membina loji di Tanjung Malim dengan wang sendiri tanpa meminta bantuan kerajaan dan pinjaman bank.

Beliau berkata Proton telah berjaya sehingga ia memutuskan untuk membenarkan kereta asing masuk ke Malaysia tanpa batasan tetapi sebaliknya Malaysia tidak boleh menjual kereta di negara asing kerana mereka mengenakan

syarat ke atas kereta Malaysia.

“Ia semua mengenai mengimport kereta mereka tetapi bukan mengeksport kereta kita. Dan sudah pasti jika anda tidak eksport kereta, anda tidak mendapat pertukaran asing.

"Jika anda terus membeli kereta asing maka anda akan kehilangan banyak wang setiap tahun," katanya.

Mengenai cadangan kenderaan nasional ketiga, Dr Mahathir berkata kerajaan akan meminta sektor swasta untuk melaksanakannya kerana kerajaan tidak mempunyai modal untuk membiayai projek itu.

“Kemudian anda akan mengembangkan vendor, mewujudkan perniagaan menghasilkan alat kerana terdapat banyak bahagian (kereta) yang akan menawarkan pekerjaan untuk rakyat dan membuka peluang kepada perniagaan kecil-kecilan,” katanya.

Pertemuan itu dianjurkan Kelab Bunga Raya United Kingdom yang ditubuhkan pada 2016 bagi mendukung aspirasi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU). Selain ahli kelab itu, turut hadir ke pertemuan dan dialog bersama perdana menteri itu ialah pemimpin-pemimpin pelajar di United Kingdom.

Dr Mahathir turut merasmikan Kelab Bunga Raya United Kingdom pada majlis

itu.

**Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd**

Source: <https://www.malaysiakini.com/news/444380>